



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Mac 2024
12 Ramadan 1445H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	• Sepit biru Sungai Bernam kena tuba
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	29	23.3.2024

Sepit biru Sungai Bernam kena tuba

Siasatan mendapati lebih 10 kilogram udang galah mati di kawasan kejadian

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
TANJUNG MALIM

Ratusan udang galah dikhuatiri mati akibat aktiviti menuba di Sungai Bernam dekat Slim River, di sini pada Khamis.

Ketua Jaringan Perikanan Slim River dan Nelayan Darat daerah Muallim, Shahrin Samsuddin berkata, perkara itu disedari seorang nelayan tempatan selepas melihat haiwan yang dikenali dengan gelaran si sepit biru itu timbul ke permukaan sungai dan naik ke darat.

Menurutnya, kebanyakan udang galah yang mati masih bersaiz kecil dan dikhuatiri boleh mengganggu populasi di kawasan sungai berkenaan kerana proses pembiakan tidak berlaku.

"Kita tak dapat kesan pelakunya, boleh jadi orang luar atau orang-orang yang sudah biasa dengan kawasan ini kerana kita jumpa banyak kesan tapak kasut.

"Perkara sebegini tak sepatutnya berlaku kerana penduduk dan nelayan darat banyak bergantung kepada hasil tangkapan di sungai ini termasuklah udang galah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Tambahnya, kegiatan menuba udang galah di kawasan itu bukan perkara baharu kerana pernah beberapa kali berlaku sebelum ini terutama setiap kali musim kemarau.

"Kali ini nampak pelakunya menggunakan racun tuba yang kuat menyebabkan kematian udang dalam skala besar," jelasnya.

Shahrin berkata, sejak Januari lepas, lubuk Sungai Bernam memang menjadi tumpuan kaki pancing untuk memburu udang galah.

Katanya, udang galah di sungai tersebut mempunyai permintaan tinggi kerana tidak berbau hanyir dan mampu dijual di pasaran sehingga RM120 sekilogram.

Sementara itu, satu siasatan telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan Perak di kawasan terlibat pada hari sama kes dilaporkan bersama Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung



FOTO: JABATAN PERIKANAN PERAK

Jabatan Perikanan Perak bersama agensi terlibat menjalankan siasatan di lokasi berlakunya aktiviti menuba udang galah sebaik menerima laporan pada Khamis.

Acheh, Pusat Pengembangan Akuakultur Tapah dan Pejabat Perikanan Daerah Batang Padang dan Muallim.

Jabatan Perikanan Perak menerusi kenyataan di Facebook berkata, siasatan mendapati air di sepanjang Sungai Bernam cetek dan kadar bacaan ammo-

nia agak tinggi daripada bacaan yang biasa.

"Kemungkinan besar udang yang mati adalah disebabkan dituba.

"Hasil siasatan juga mendapati lebih 10 kilogram udang galah telah mati di kawasan kejadian," kata kenyataan itu.

AJENYE YE!